

20/10/2001

Dana pelancongan ditambah

KERAJAAN akan menambah dana bagi Tabung Khas Pelancongan kepada RM400 juta untuk Belanjawan 2002 berbanding peruntukan RM200 juta pada tahun lalu, bertujuan mengembangkan sektor pelancongan negara.

Langkah itu sebahagian daripada usaha kerajaan membantu mencergaskan semula sektor berkenaan yang kini terjejas teruk akibat kesan serangan penganas terhadap Amerika Syarikat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan juga memperuntukkan RM613.9 juta kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

"Jumlah ini termasuk RM200 juta untuk kegiatan mempromosi industri pelancongan negara. Ini kerana untuk menarik lebih ramai pelancong, lebih banyak kemudahan dan produk pelancongan perlu diadakan," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Parlimen, semalam.

(END)